

1 Bahasa
1 Melayu
1 Kertas 2
0 Julai
3 2024
2 2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SEMESTER I 2024
TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata sendi nama** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Semua rakyat Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas akan dikecualikan bayaran masuk ke Taman Botani Kepong (KBG) bermula dari 21 Mac 2023 hingga 5 Jun 2023. Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Parlan memaklumkan perkara itu dalam perasmian siri ceramah mengenai tanah lembap di galeri penyelidikan FRIM. Semua pengunjung KBG tidak akan dikenakan bayaran masuk pada sambutan hari berkaitan dengan hutan dan alam sekitar terpilih seperti Hari Hutan Antarabangsa (IDF) pada 21 Mac, Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa pada 20 Mei dan Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5 Jun.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Masuk percuma ke Taman Botani Kepong
untuk warga emas bermula 21 Mac
Astro Awani, 19 Februari 2023
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan jenis ayat bagi ayat yang bergaris sama ada **ayat penyata**, **ayat seruan**, **ayat tanya** atau **ayat perintah**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Rohaya : Selamat pagi. Bolehkah saya bercakap dengan Kamsiah?
Kamsiah : Selamat pagi. Ya, ini Kamsiah bercakap. Siapakah di sana?
Rohaya : Saya Rohaya. Mengapakah awak tidak hadir ke sekolah?
Kamsiah : Sebenarnya, kami sekeluarga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kerana menyambut abang saya yang baru menamatkan pengajian dari Universiti Tokyo, Jepun.
Rohaya : Oh, begitu rupanya! Saya ingatkan awak sakit.
Kamsiah : Usahlah risau tentang diri saya. Saya sihat sahaja. Bagaimanakah sesi pembelajaran pada hari ini?
Rohaya : Oh, tadi cikgu Firdaus mengajar topik baharu! Nanti saya kongsikan nota kepada awak. Silalah datang ke rumah saya.
Kamsiah : Terima kasih. Bagus juga cadangan awak itu.
Rohaya : Baiklah, jumpa nanti.

Dipetik dan diubah suai daripada
wanmohdaffendy.blogspot.com
[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

**JEMPUTAN KE MAJLIS
RUMAH TERBUKA AIDIL FITRI
PEGAWAI DAERAH BATU PAHAT TAHUN 2023**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.
Kita mengalu-alukan kehadiran ramai orang ke majlis rumah terbuka ini.



Tempat: 9 Mei 2023 (18 Syawal 1444 H)

Masa: 11.00 pagi hingga ke 3.00 petang

Tempat: Kediaman Resmi Pegawai

Semua di jemput hadir.

[5 markah]

Bahan 2

Minat memasak mendorong DYMM Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, merentas ke seluruh ceruk desa dan daerah di Pahang. Hal ini dapat melengkap pencarian lebih 600 resipi tradisional yang baginda minati. Pengembaraan merentas 11 daerah di Pahang bertujuan supaya mengumpulkan resipi warisan negeri itu.

Inspirasi untuk menghasilkan buku ini tercetus kerana baginda mahu resipi lama menjadi warisan kepada jenerasi akan datang supaya tidak hilang dimakan zaman. Menurut baginda, komplikasi buku masakan itu cukup istimewa kerana memuatkan resipi yang jarang-jarang dinikmati terutamanya juadah asli air tangan orang lama-lama di negeri Pahang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Anak Raja Rentas Hutan Kumpul 600 Resipi'
Berita Harian Online, 4 Ogos 2018

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Pada zaman penjajahan, masyarakat berpegang pada prinsip bersatu padu ibarat _____. Penderitaan dan pelbagai kesusahan yang menimpa sedikit pun tidak melunturkan semangat mereka. Walaupun ada pejuang negara yang ditangkap dan dituduh sebagai pengkhianat, mereka tetap menentang penjajah. Dengan berpegang pada prinsip _____ mereka terus berjuang hingga titisan darah yang terakhir.

[4 markah]

Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kerjaya seorang guru mempunyai nilai yang unik kerana menuntut kecekalan dan semangat mendidik yang tinggi. Mereka sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi memastikan murid-murid mendapat ilmu. Pengorbanan dan jasa mereka ini tidak mampu diukur biarpun dengan segunung intan permata. Guru berperanan merancang dan menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang secukupnya sebelum proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru juga bertindak sebagai penilai bagi mengesan tahap penguasaan murid-murid terhadap topik pembelajaran yang telah diajar dan menjalankan aktiviti pemulihan bagi menangani permasalahan ini. Oleh itu, persiapan serta strategi yang teratur perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif membentuk kemenjadian murid demi kemajuan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Guru sebagai Watak Utama di Sebalik Kejayaan Murid'
oleh Siti Nurul Shawati Mohammed Razali
Sinar Bestari, 7 Julai 2021

Bahan 2

Seorang guru diyakini mampu memberikan impak positif terhadap usaha *mendukung hasrat* kerajaan dalam pemugaran nilai madani kepada generasi kini. Peranan seorang guru amat penting dalam pembinaan kekuatan intelek bagi menjadi sumber rujukan dalam bidang masing-masing. Guru juga perlu mengadun nilai kepimpinan berwibawa seperti yang digariskan dalam konteks moral. Darjat seorang guru dipandang tinggi kerana guru merupakan insan kedua terpenting dalam kehidupan seorang anak selepas ibu bapa. Sebagai agen perubahan yang berkesan, seorang guru perlu mengikut arus perdana pendidikan semasa untuk mencapai tahap kemajuan yang berperadaban tinggi dan bersepadu. Sesungguhnya, peranan guru sangat signifikan dan relevan kerana mereka sangat dekat dengan jiwa anak-anak bangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sumbangan Guru dalam Pembentukan Generasi MADANI'
oleh Prof. Madya Dr. Khairunneezam Mohd Noor
Blog Malaysia Madani, 16 Mei 2023

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mendukung hasrat*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan peranan-peranan seorang guru.
[3 markah]
- (iii) Guru merupakan insan yang menyumbangkan jasanya tanpa mengira masa dan tenaga kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu dilakukan oleh seseorang murid untuk menghargai jasa guru?

[3 markah]

- (iv) Anda bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Setelah menduduki ujian kecenderungan minat, anda mendapati kecenderungan minat anda bukan dalam bidang keguruan. Walau bagaimanapun, anda tetap ingin meneruskan cita-cita untuk menjadi seorang guru.

Apakah persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan untuk memastikan cita-cita anda tercapai?

[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU**

Baginda menitahkan orang besar empat,
Membuat istana puri berkota;
Lalu dipanggil Pawang Raja.
Pawang mengerah orang bekerja,
Empat puluh empat tukang dan utas,
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,
Istana siap dengan alatnya;
Besar tersergam sembilan ruang,
Sepuluh dengan rembat guntung,
Sebelas dengan pancung serong,
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,
Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti;
Galang-galangnya ular berang,
Kasau kecil puteri menyembah,
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,
Bertakuk bersedelinggam,
Berjenang berbatu kawi,
Berselimpat ukir Jawa,
Lilit-melilit akar Cina;
Garam sebuku sisa jeragan,
Bunga kenanga dimakan ular,
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,
Tiada orang dapat meniru;
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Kalung Bunga Za'aba, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Menurut cerita turun-temurun, rumah itu sewaktu awal dibina begitu gagah dan utuh kelihatannya di mata semua. Binaannya penuh seni. Pada tingkap dan kekisi terdapatnya ukiran halus tebuk timbul bercorakkan bunga. Di bahagian hadapan rumah pula terdapatnya anjung luas, tempat orang lelaki duduk berbincang atau bergurau senda. Pada bahagian atasnya, diolah bumbung cerun bertingkat, yang berupaya menyalurkan hawa panas keluar di antara sela rongga atas bawah. Tidak sekadar itu, ditambah pula binaan tebar layar daripada kayu cengal bagi pengudaraan yang lebih dingin. Akan tetapi, itu cerita zaman dahulu. Sejak *musim berkalih* membawa angin kencang yang menggila, rumah pusaka itu seakan meniti hari untuk rebah ke bumi.

Dipetik dan diubah suai daripada
cerpen *Lompat Tikam*
oleh Ghazal Fansuri
Berita Harian Online, 29 November 2022

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *musim berkalih*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan unsur alam yang terdapat pada binaan bangunan tersebut. [3 markah]
- (iii) Bangunan Sultan Abdul Samad dan Istana Seri Menanti antara seni bina asal yang mempunyai nilai sejarah.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan mengekalkan seni bina asal pada setiap bangunan bersejarah?

[4 markah]

- (iv) Di tempat tinggal anda terdapat bangunan bersejarah yang terbiar.

Sebagai penduduk yang prihatin, apakah tindakan-tindakan anda untuk memelihara dan memulihara bangunan bersejarah tersebut?

[4 markah]

- 8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seperti selalu, habis solat berjemaah, datuk masih duduk di atas sejadah, berzikir, cuma kali ini tanpa kalung tasbihnya. Kuhampiri datuk melalui mataku yang terhala ke tubuhnya. Dia membetulkan serban di kepala, kemudian tubuhnya membongkok di sudut kanan bilik, mengambil kitab kecil.

Aku perhatikan datuk tidak tenteram. Dia menyudahkan bacaan dengan cepat, cuma dua halaman, kemudian dia menutup kitab kecil itu dan meletaknya di dada. Matanya dipejam, aku melihat ombak nafas melalui dadanya yang bergetar kencang, seperti nafas orang diserang asma. Kuhampiri lagi dia, tapi bukan melalui mataku. Aku berengsot, mendekatinya. Hingga aku dapat mendengar deru nafasnya yang satu-satu dilepas.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*
oleh Ruhaini Matdarin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang berlaku kepada datuk ketika dia tidak tenteram?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Tirani, karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (g) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang mendebarkan pembaca.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian C : Rumusan

[30 markah]

- 9 Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan. Kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1 - Petikan

Segelintir masyarakat kini lebih gemar menggunakan rokok elektronik atau e-rokok bagi menggantikan rokok konvensional. Mereka beranggapan bahawa e-rokok mampu mengurangkan ketagihan. Sebenarnya, e-rokok memberikan kesan negatif kerana cecair e-rokok mengandungi *Easetat* yang menyebabkan pesakit menghidap *e-cigarette or vaping use-associated lung injury* (EVALI). Hal ini demikian kerana e-rokok mengandungi cecair nikotin, perasa, pewarna dan bahan kimia lain yang akan terbebas sebagai wap semasa disedut.

Selain itu, nikotin yang terkandung dalam e-rokok memberikan kesan ketagihan terhadap perokok elektronik. Nikotin juga meningkatkan tekanan darah sehingga boleh membawa maut. Oleh itu, langkah membendung gejala e-rokok perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak dari awal. Antaranya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan larangan menghisap rokok dan e-rokok di semua premis makanan seluruh negara. Larangan ini dikuatkuasakan oleh kerajaan pada 1 Januari 2019. Oleh itu, sekiranya larangan ini tidak dikuatkuasakan, penghidu wap e-rokok terdedah kepada risiko menghidap penyakit kanser, jantung dan kerosakan paru-paru.

Kerajaan perlu mempercepat pemerkasaan undang-undang bagi mengawal selia penjualan dan pemasaran produk e-rokok. Ketiadaan undang-undang akan membuka ruang kepada orang ramai untuk mendapatkan e-rokok dari pasaran gelap dan perdagangan haram. Kementerian Pendidikan turut melaksanakan Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan Vape. Kempen ini bertujuan untuk mengekang trend murid yang menjadikan tabiat menghisap rokok dan e-rokok sebagai satu kebiasaan. Akhir sekali, kanak-kanak bawah umur tidak dibenarkan membeli produk e-rokok di mana-mana pusat penjualan.

Amalan menggunakan e-rokok perlu dielakkan oleh masyarakat walaupun kesannya lambat diketahui sehingga bertahun-tahun lamanya agar dapat menjamin kesihatan yang berpanjangan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Adakah Penggunaan Rokok Elektronik Selamat?'
oleh Iskandar Mirza Amran
Dewan Kosmik, Bil. 2/2022

Bahan 2 - Pantun**E-ROKOK**

Ikan kerisi tersangkut pukat,
Di bawah pokok kucing bersandar;
Iklan promosi harus disekat,
Budaya e-rokok perlu dihindar.

Buah kelapa pisang setandan,
Menebang pokok di Sungai Perlak;
Ibu bapa suri teladan,
Mudarat e-rokok dapat dielak.

Sumber: Internet

Bahan 3 - Grafik

Danial, saya baru sedar
bahawa e-rokok ini boleh
menurunkan imuniti badan.

Ya, betul tu Arif. Bukan itu sahaja,
e-rokok juga menyebabkan
gangguan perut dan usus.



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT